

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 AUGUST 2016

Dr. Mahathir 'kaki gaduh' – PM

Um- 28/8/2016

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**
dan **KHAIRUL ABIDIN NUAR**

pengarang@utusan.com.my

■ CAMERON HIGHLANDS 27 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak melabelkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang 'kaki gaduh' kerana mengkritik dan menyalahkan penggantinya sejak dahulu lagi.

Perdana Menteri berkata, Dr. Mahathir telah 'bergaduh' sejak zaman Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman lagi diikuti Perdana Menteri berikutnya termasuk beliau serta beberapa bekas pemimpin lain.

Sifat 'kaki gaduh' Dr. Mahathir juga tegas Najib, semakin melarat dengan terbaharu bekas pemimpin negara berkenaan 'bergaduh' pula dengan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar.

"Saya antara penyokong setia beliau selama 22 tahun tetapi hari ini dia tergamak mengatakan Malaysia negara gagal. Kalau nak jatuhkan saya, bertandinglelah dalam UMNO tapi jangan runtuhkan parti.

"Tapi saya percaya kita semua faham orang yang 'kaki gaduh'

ini dia akan gaduh. Dari zaman Tunku Abdul Rahman dia bergaduh. Selepas itu dia kata (Tun) Hussein Onn tak betul, (Tengku) Razaleigh Hamzah tak betul. (Tun) Musa Hitam pun tak betul.

"Sekarang dia kata saya tak betul. Terbaru dengan Sultan Johor. Kalau semua orang salah, siapa yang betul? Saya fikir kalau Tun Razak umur panjang, Tun Razak pun dia kata tak betul," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Cameron Highlands di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Haji Ahmad Shah, Tanah Rata di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ketua UMNO Bahagian Cameron Highlands, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Tambah Najib, Dr. Mahathir juga mengamalkan politik yang tidak selari dengan prinsip Islam apabila bersekongkol dengan pemimpin pembangkang, Lim Kit Siang yang pernah dikritiknya sebagai seorang cauvanis, anti-Melayu dan anti-Islam.

Katanya, bagaimanapun, hari ini kedua-dua pemimpin itu duduk semeja untuk menjatuhkan

kerajaan.

"Inilah yang dikatakan politik matlamat menghalalkan cara sedangkan dalam Islam, matlamat dan cara mesti seiring, cara mesti betul kalau tidak ia tak jadi.

"Kalau dah kata dia (Kit Siang) anti-Islam, anti-Melayu... maknanya dia mengamalkan politik yang tidak selari dengan Islam. Saya percaya kita semua tidak akan termaikan dengan semua ini," katanya.

Dalam ucapan itu, Perdana Menteri turut menegaskan, beliau bukanlah seorang pemimpin diktator seperti yang ditohmah dan ini dibuktikan menerusi sikap terbuka beliau dalam parti apabila meminda Perlembagaan parti dan menyerahkan nasibnya sebagai Presiden kepada ahli UMNO.

Katanya, jika beliau mahu menjadi Presiden parti lebih 22 tahun, beliau akan mengguna pakai Perlembagaan parti zaman Dr. Mahathir yang mana sesiapa yang mahu bertanding Presiden perlu mendapat pencalonan daripada 56 bahagian UMNO.

"Hendak dapat satu pencalonan pun susah, apatah lagi 56 pencalonan. Sebab itu apabila saya jadi Presiden UMNO, saya ambil langkah pinda perlembagaan. Saya bu-

kan pilih sistem kuota, saya ambil langkah terbuka," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak akan meminta maaf ekoran ketegasan kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat mengancam keselamatan negara di bawah Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Jelas Najib, apabila Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan, ramai yang berkata ia tidak patut dilakukan dan apabila kerajaan mewujudkan akta MKN pula, beliau dikatakan mahu jadi diktator, kononnya mahu merampas kuasa Yang di-Pertuan Agong.

"Inilah orang tidak faham. Kuasa diktator sebenar ialah ISA. Akta MKN ini kita guna apabila keselamatan negara terancam, apabila kumpulan pengganas Islamic State (IS) memberi arahan kepada anggotanya supaya melakukan angka-ra di dalam negara seperti kejadian letupan bom baru-baru ini.

"Jangan lupa peristiwa pencerobohan di Lahad Datu. Berapa ramai anggota polis yang terkorban? Kalau kita tiada undang-undang, macam mana nak jaga keselamatan negara," tegas beliau lagi.